

1. Bahasa: Pujian
Istilah: Menzahirkan pujian kepada Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan serta mematuhi semua perintahnya.
2. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
Seseorang yang makan dan dia bersyukur atas nikmat itu, maka dia diberi pahala sama seperti orang berpuasa yang sabar. (Riwayat al-Bukhari)
3. Rasulullah SAW sentiasa menghidupkan waktu malam dengan beribadat kepada Allah sehingga kedua kaki baginda bengkak. Ini dilakukan sebagai tanda kesyukuran baginda kepada Allah SWT atas segala perkara walaupun baginda telah dijamin syurga dan terpelihara daripada sebarang dosa.
4. Hati:
(a) Yakin bahawa segala nikmat adalah pemberian Allah SWT.
(b) Ingat dan memuji Allah SWT.
Lisan:
(a) Bercakap perkara-perkara yang baik.
(b) Banyak berzikir dan berselawat.
Perbuatan:
(a) Perbanyakkan amalan bersedekah.
(b) Melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya.
5. (a) Rajin dan tekun beribadat
(b) Sentiasa bertawakal kepada Allah
(c) Menjadi seorang yang pemurah
(d) Bersangka baik dengan kejayaan orang lain
(e) Sentiasa berasa qanaah dengan kurniaan Allah SWT
6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

1. C
2. D

Bahagian E

1. (a) (i) syukur
(ii) nikmat
(iii) bersedekah
(iv) reda
(b) Kerana dengan kurniaan nikmat yang banyak seperti keluarga dan kehidupan. Kita juga perlu bersyukur kerana kita berada dalam golongan orang yang mampu beribadah kepada Allah. Selain itu, individu yang mengamalkan konsep bersyukur di dalam kehidupan seharian akan lebih mudah dalam pencarian rezeki. Ini disebabkan banyak firman-firman Allah yang jelas menunjukkan bahawa semakin hambanya bersyukur dan mengingati Allah maka Allah akan semakin sayang dan sentiasa mengingati hambanya. Oleh itu, kita hendaklah menyemai sifat syukur dalam diri agar semakin mendapat rahmat daripada Allah SWT.
(c) (i) Hidup dalam keredaan dan rahmat Allah
(ii) Diberi ganjaran pahala oleh Allah

POWER KBAT

1. Hafiz hendaklah bersyukur dan reda menerima nikmat walaupun ianya sedikit. Namun, Hafiz boleh memperbaiki kehidupannya dengan meningkatkan lagi usaha untuk memajukan dirinya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa rajin beribadat agar memupuk akhlak yang mulia, iaitu bersyukur kepada Allah SWT.
2. Hati akan menjadi tidak tenang kerana tidak sabar dan mengeluh apabila ditimpa musibah. Keadaan ini juga boleh menyebabkan seseorang itu kurang berusaha untuk memajukan diri malah berputus asa dengan rahmat dari-Nya. Oleh itu, kita hendaklah reda terhadap ketentuan Allah SWT dan cuba memperbaiki kehidupan dari masa ke masa supaya hidup dilimpahi rezeki-Nya.
3. Sebagai seorang yang bersyukur seharusnya reda dengan setiap pemberian Allah walaupun teramat pahit untuk diterima. Namun, sekiranya keyakinan yang tinggi bahawa apa yang berlaku perlu bersyukur dan mengingati bahawa apa sahaja yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya nescaya mampu mententeramkan jiwa yang bergelora. Oleh sebab itu setiap manusia wajib berbaik sangka kepada Allah kerana manusia yang berbaik sangka akan sentiasa bersyukur dan yakin tidak ada yang lain kecuali Allah yang mampu membantunya dalam kesusahan dan memberikan kebahagiaan yang diinginkan.